

**PENGGUNAAN MOTIF SULUR BAYUNG
SEBAGAI PERHIASAN PADA
KRAF TRADISI**

**SURYIA @ SURAYA MOHAMMAD
97185965**

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA LOGAM HALUS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
2000 / 2001**

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Illahi dengan izin –NYA , dapat juga saya menyiapkan kajian terakhir saya ini yang bertajuk **“PENGUNAAN MOTIF SULUR BAYUNG SEBAGAI PERHIASAN PADA KRAFTRADISI ”**. Tesis ini berjaya juga di siapkan walaupun terdapat pelbagai dugaan dan juga cabaran dalam merealisasikan kajian ini.

Di sini saya ingin mengucapkan jutaan ucapan terima kasih kepada pihak –pihak yang terlibat di dalam kajian ini sama ada secara langsung mahupun tidak secara langsung dalam memberikan kerjasama dalam menyiapkan tesis ini. Ribuan terima kasih di ucapkan kepada Encik Wan Ahmad iaitu penyelia tesis yang begitu banyak memberikan bimbingan dan juga tunjuk ajar dalam kaedah membuat dan menyiapkan tesis ini.

Selain daripada itu , saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada Encik Wan Mustaffa Wan Su seorang pengukir terkenal di abad ini , ini kerana beliau telah banyak menolong saya dalam memberikan kerjasama dan juga informasi – informasi mengenai sulur bayung yang tidak dapat saya ketemui di buku- buku ilmiah. Terima kasih sekali lagi kepada beliau kerana dapat merealisasikan kajian ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang banyak memberikan ilmu dan juga pendapat dalam membuat kajian akhir ini . Terima kasih kepada kedua- dua Ibubapa dan juga kakak saya yang banyak memberikan galakan dan juga dorongan kepada saya dalam menempuh segala dugaan dan juga rintangan dalam menyediakan tesis ini. Tidak juga ketinggalan kepada rakan –rakan seperjuangan kerana telah banyak membantu dan melibatkan diri dalam meyakinkan diri saya untuk menyiapkan kajian tesis ini.

Hidup ini ibaratkan kapal yang belayar dibawa arus , terhuyung kesana terhuyung kesini, tidak mempunyai haluan yang ditetapkan, begitu juga diri saya, oleh itu jikalau ada silap yang dilakukan dalam kajian ini diharap di maafkan . Akhir sekali ‘ yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T dan yang buruk itu pula datangnya dari dalam diri saya sendiri’.

SINOPSIS

Sesuatu pengkajian semestinya diiringi dengan tujuan yang tepat. Begitu juga halnya dengan penghasilan tesis yang bertajuk “ **Penggunaan Motif Sulur Bayung Sebagai Perhiasan Pada Krafradisi** ” ini. Kajian ini ditumpukan secara am terhadap peranan motif sulur bayung dari aspek sejarah, pengaruh, pembentukan motif dan kegunaannya. Krafradisi telah menjadi sebahagian perkara penting dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu tradisional dan ianya merupakan pusaka bangsa yang amat bernilai dan harus dipertahankan serta dipelihara oleh generasi masa kini. Motif sulur bayung ataupun juga dikenali sebagai sulur bakung terdapat pada beraneka karya seni rupa Melayu dua dimensi seperti hiasan garis pada permukaan dan objek yang berbentuk tiga dimensi seperti tangkai senduk atau pada bangunan. Penggunaan sulur bayung sebagai motif menjadikannya sebagai unsur tampak yang menghubungkan aneka hasil manifestasi jiwa kreatif seniman Melayu. Sulur bayung adalah menyerupai tumbuh-tumbuhan. Ianya adalah daripada pengaruh Sumatera kemudian di bawa pengaruhnya ke Tanah Melayu yang dimulakan oleh orang-orang Minangkabau. Gerak garisnya berpunca dari pangkal melalui dua bentuk yang berbalas gerak, berbalik ke dalam bakuk dan melentik ke luar ceding menunjukkan kemungkinan alunan yang hidup. apabila digunakan sebagai hiasan dua dimensi, ia menjangkitkan gerak tenaga kepada bentuk yang lain, yang menerima dan membalasnya bukan sahaja antara satu sama lain, tetapi motif sulur bayung itu sendiri terdapat tenaga tampak yang terkandung di dalam ruang-ruang daun kelopak kecil yang menghasilkan getaran rupa. Sulur bayung yang terdapat pada hujung bahagian objek seolah-olah tumbuh daripada objek itu, meneruskan rupa melalui bentuk dan garis, seperti yang terdapat pada hujung senduk atau hujung tenggala. Walaupun tidak mempunyai fungsi utama, tetapi pada dasarnya nilai estetika yang terkandung padanya adalah amat penting. Bentuk hasilan atau gubahan sulur bayung yang merupakan simbolik di dalam masyarakat menggambarkan jiwa penciptanya yang mana hasil krafradisi Melayu mempunyai implikasi mistik yang menghubungkan sanubari, tampak, masa dan realiti. Maka penciptanya mengilhamkan karya mengikut idea-idea yang di ambil dari alam semulajadi seperti unsur tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Masa akan menentukan betapa setiap yang tua dan lama akan beredar dan dilupakan. Begitu juga dengan motif sulur bayung yang terdapat pada kebanyakan krafradisi Melayu. Ciri-ciri keindahan yang terdapat pada hasil seni ini haruslah dikekalkan kerana ianya dapat menyampaikan mesej-mesej yang tertentu dan tersendiri kepada generasi kini dan akan datang. Atas kesedaran dan tanggungjawab itulah pengkajian ini dibuat untuk mengkaji tentang motif sulur bayung, sejarah, keistimewaan serta falsafah yang terkandung di dalamnya selain daripada dapat membuktikan bahawa masyarakat Melayu kaya dengan hasil seni.

JADUAL ISI KANDUNGAN

Tajuk

halaman

PENGHARGAAN

SINOPSIS

JADUAL ISI KANDUNGAN

SENARAI GAMBAR

SENARAI GAMBARAJAH

SENARAI JADUAL

BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	9
<i>1.2.1 SEJARAH AWAL ASAL – USUL PENGARUH SULUR BAYUNG.....</i>	<i>10</i>
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN	20
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	22
1.5 PERSOALAN KAJIAN	25
1.6 HIPOTESIS	26
1.7 SKOP KAJIAN	26
1.8 DEFINASI	28
<i>1.8.1 DEFINASI MOTIF</i>	<i>28</i>
<i>1.8.2 DEFINASI SULUR BAYUNG</i>	<i>30</i>
BAB 2	40
KAJIAN –KAJIAN LAMPAU	40
2.1 PENDAHULUAN	40
2.2 PENULISAN KAJIAN LAMPAU	41
<i>2.2.1 KONSEP RAGAMHIAS SULUR BAYUNG DALAM KRAFTARADISI</i>	<i>45</i>
<i>2.2.2 RAGAMHIAS GAYA GEOMETRI.....</i>	<i>47</i>
<i>2.2.3 RAGAMHIAS GAYA ORGANIK</i>	<i>47</i>
<i>2.2.4 FALSAFAH DALAM SENI SULUR BAYUNG (UKIRAN KAYU)</i>	<i>51</i>
<i>2.2.5 ESTETIKA, ETIKA DAN FUNGSI SULUR BAYUNG.....</i>	<i>55</i>

SENARAI GAMBAR

	<i>Halaman</i>
GAMBAR 1 : UKIRAN KAYU CENGAL TEBUK TEMBUS BENTUK SULUR BAYUNG BUNGA DATA	8
GAMBAR 2 : PENGGUNAAN SULUR BAYUNG HASIL DARIPADA PENGARUH BUDDHA PADA KUIL WAT PHRA KAEO	12
GAMBAR 3 : SULUR BAYUNG YANG BERBENTUK NAGA	13
GAMBAR 4 : RUMAH HEKSAGON TIPIKAL DI DAERAH GALELA DI HALMAHERA , MOLUCCAS, DENGAN HIASAN SULUR BAYUNG BERBENTUK NAGA	13
GAMBAR 5 : PONDOK NELAYAN YANG BERHIASKAN SULUR BAYUNG BERBENTUK KEPALA KERBAU	14
GAMBAR 6 : PERHIASAN ATAP BERBENTUK TANDUK	15
GAMBAR 7 : PUNCAK ATAP RUMAH KETUA FIJIAN	15
GAMBAR 8 : BANGUNAN MAHKAMAH DAERAH MACHANG YANG MENGGUNAKAN SULUR BAYUNG PADA BUMBUNGNYA	17
GAMBAR 9 : PENGGUNAAN MOTIF FAUNA SEBAGAI SULUR BAYUNG SEBAGAI HIASAN PADA BUMBUNG WAKAF COMEL PASIR PUTEH	18
GAMBAR 10 : BUMBUNG BANGUNAN PERIKANAN DI MARANG , TERENGGANU YANG MENGGUNAKAN MOTIF FAUNA SEBAGAI SULUR BAYUNG	18
GAMBAR 11 : CONTOH SULUR DALAM UKIRAN KAYU	32
GAMBAR 12 : PENGGUNAAN SULUR BAYUNG YANG BERMOTIFKAN FAUNA PADA BANGUNAN KRAFTANGAN	34